

26/06/1998

Umno sentiasa perjuangkan kepentingan Islam

Abdurrahman Haqqi

WALAUPUN tidak berlabelkan Islam, sukar untuk membezakan Umno daripada perjalanan sejarah Islam di Malaysia khususnya dan Dunia Islam umumnya. Ini kerana sejak ditubuhkan pada 1946, ia tidak henti-henti memperjuangkan kepentingan Islam dalam tubuh negara Malaysia. Hal ini dipertegas oleh Presidennya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Perhimpunan Agung Umno ke-52, Jumaat lalu.

Presiden, dalam perhimpunan itu, menyatakan: "Umno sekarang terbuka kepada orang bukan Islam tetapi pegangan Umno kepada Islam dan ajarannya tidak luntur... Umno sebenarnya adalah alat yang mengambil perjuangan nabi sebagai contoh, sebagai cara untuk mengubah nasib orang Melayu Islam dan Bumiputera lain di Malaysia". Timbalan Presiden pula menyatakan: "Kita jangan hilang pedoman. Prinsip perjuangan yang berteraskan ajaran Islam dan kebudayaan Melayu harus digenggam kuat-kuat. Apabila kita yakin dengan kebenaran yang diperjuangkan, kita jangan gementar. `Jangan kamu berasa hina dan jangan kamu berasa sedih' (Ali Imran: 139).

Penegasan akan kesetiaan kepada ajaran Islam seperti dinyatakan Presiden Umno dan timbalannya di atas akan sulit dijumpai dalam perhimpunan sejenisnya (baca: parti berkuasa) di negara Islam lain termasuk Arab. Sebagai contoh, di dua negara Arab saling berjiran yang dikuasai parti yang ditubuhkan oleh seorang Arab Kristian, Michael Aflak, keutamaan ditumpukan kepada kebangkitan Arab bukan Islam. Di dua negara Arab lain di Afrika yang dipisahkan oleh sebuah negara sosialis, contoh kedua, Kepemimpinan zalim mematikan pergerakan parti lain sehingga nak bernafas pun susah. Dan contoh ketiga, di sebuah negara Islam yang berharap menjadi kumpulan negara Mat Salleh, apa lagi, di sana melaungkan Islam dilarang dan dianggap perbuatan jenayah.

Alhamdulillah, di Malaysia, Islam tetap menjadi simbol ketenteraman, keamanan dan perpaduan negara bangsa yang diterajui Umno sebagai tonggak BN walaupun tidak melabelkan Islam pada namanya. Al-'Ibrah bil-musammayat labil-asma, kata tokoh dakwah abad ke-20, Hassan al-Banna (w 1948). Ia bermaksud bahawa panduan dalam melihat dan menetapkan hukum sesuatu adalah apa yang dinamakan buku nama per se. Jika dilabelkan kepada sebotol air susu yang berwarna putih vodka atau cognac atau wiski, ia tetap susu yang halal diminum walaupun berlabelkan nama-nama arak, adalah sebuah contoh daripada kaedah ini.

Selepas Rasulullah wafat pada tahun ke-11 Hijrah dan tampuk kepemimpinan negara Madinah di atas bahu Abu Bakar, beliau dan juga diikuti Umar, Othman dan Ali tidak menamakan negara Madinah sebagai negara Islam bahkan tidak menamakan Madinah sebagai sebuah negara dalam konteks istilah Abad Pertengahan Eropah yang kita pakai hingga ke hari ini. Yang ada ketika itu adalah Masyarakat Madinah atau al-Mujtama' al-Madani.

Tidak ada bangunan istana dan parlimen, yang ada hanyalah sebuah struktur sederhana pemerintahan yang tidak menamakan Islam. Tidak ada raja, presiden atau perdana menteri, yang ada hanyalah Khalifah Rasulullah atau pengganti Rasulullah dan Amirul Mukminin atau pemimpin orang beriman. Tidak ada parti kerajaan Islam dan tak ada juga parti Islam pembangkang, yang ada hanyalah ummatan wahidah atau umat yang satu yang mengamalkan amar makruf nahi mungkar.

Ini tidak bermakna bahawa pada zaman masyarakat Madinah tidak kita jumpai orang kritis yang kadang kala membangkang dasar kerajaan, tetapi ia hanya dalam proses sebelum diputuskan. Apabila ia sudah diputuskan dan

dijadikan dasar kerajaan, tidak ada lagi yang menentang dan mempertikaikannya.

Sebagai contoh, ketika Abu Bakar ingin memerangi orang murtad pada tahun ke-11 Hijrah, Umar mempertikaikannya tetapi apabila Abu Bakar mempertahankan keazamannya, Umar tunduk sehingga akhirnya beliau mengiktiraf kearifan keputusan Abu Bakar. Umat tidak menubuhkan parti pembangkang.

Pada zaman Umar, contoh lain, beliau mempunyai dasar untuk tidak membahagikan tanah Iraq yang ditakluki kepada pejuang Islam. Beliau membiarkannya di tangan pemilik sebelumnya dengan syarat membayar kharaj. Ini ditentang oleh sebahagian sahabat dan yang paling gigih menentangnya adalah Bilal. Akhirnya penentang menerima keputusan Umar dan Bilal tidak mendirikan parti pembangkang kerana sedar bahawa kepentingan negara lebih utama daripada kepentingan kelompok.

Kedua-dua contoh di atas membuktikan bahawa masyarakat Madinah adalah masyarakat demokratik dalam istilah moden dengan segala kekurangan dan kelemahannya walaupun tidak ada yang melabelkan diri sebagai kelompok Islam atau paling Islam. Mereka menerapkan Islam yang suci iaitu ia mengajarkan: "Dan orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain, mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahatan; mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah, sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana" (QS at-Taubah: 71).

Nampaknya, Umno sebagai citra politik Islam semasa berazam untuk menerapkan konsep ajaran Islam di atas. Dr Mahathir pada perhimpunan yang sama bertanya: "Apakah kita dapat menyelamatkan diri tanpa perpaduan dan persaudaraan di kalangan kita, tanpa berganding bahu dengan kaum lain yang sependapat dengan kita untuk menyelamatkan negara bertuah ini? Jawabnya kita tidak dapat."

Jadi Umno, seperti ajakan Anwar, perlu bersatu dalam satu saf yang padu bersama pimpinan kita yang diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menghadapi suasana getir ini. Kepentingan peribadi perlu diketepikan; dan sikap berkelompok atau berpuak harus dielakkan. Kita perlu mengambil iktibar daripada kerena akibat sikap berpuak-puak.

Maka, dengannya Malaysia akan terhindar daripada suatu bencana yang disebutkan al-Quran maksudnya: "Dan janganlah kamu berbantah-bantahan, kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); sesungguhnya Allah beserta orang yang sabar" (QS al-Anfal: 46).

(END)